

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang muflis sejak pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**YB DATO SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak bermulanya pandemik COVID-19 di Malaysia, jumlah keseluruhan kes kebankrapan dari bulan Mac 2020 hingga ke September 2021 ialah sebanyak 11,207 kes. Pecahan mengikut tahun ialah seperti yang berikut:

- a. Mac – Disember 2020 berjumlah 6,344 kes; dan
- b. Januari - Oktober 2021 berjumlah 4,863 kes.

Bagi melihat kesan sebenar COVID-19 ke atas penghutang, ia akan mengambil masa sekurang-kurangnya satu (1) tahun bermula tarikh kemungkiran kontrak (*default payment*) memandangkan pemutang hanya boleh mempetisyen tindakan kebankrapan yang diasaskan telah berlaku dalam tempoh enam (6) bulan sebelum mengemukakan petisyen.

Tarikh kemungkiran kontrak berkemungkinan berlaku di dalam situasi berikut:

- a. selepas moratorium diberikan selama enam (6) bulan bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020 tamat; atau
- b. selepas moratorium secara bersasar selama enam bulan lagi yang berakhir pada Mac 2021 tamat; atau
- c. selepas moratorium tambahan selama enam bulan bermula tarikh permohonan dibuka iaitu pada 7 Julai 2021 tamat.

Oleh yang demikian, Jabatan Insolvensi Malaysia akan meneliti jumlah kes kebankrapan yang didaftarkan dalam tempoh-tempoh yang dinyatakan tersebut dan akan mengambil tindakan pentadbiran yang sewajarnya. Sekian. Terima kasih.